

Selangor tak sokong projek air bersih Pusat'
Berita Harian Online
Ogos 17, 2011
Oleh Abdul Razak Raaff

Surat perintah pembangunan LRAL2 belum dikeluarkan

KUANTAN: Tindakan kerajaan Selangor tidak mengeluarkan surat perintah pembangunan pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 (LRAL2) Projek Penyaluran Air Mentah Pahang-Selangor (PPAMPS) menunjukkan mereka bukan saja mempolitikkannya, tetapi mahu menggagalkan usaha Pusat memastikan rakyat Lembah Klang mempunyai bekalan air bersih mencukupi menjelang 2014.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui, berkata pembinaan LRAL2 sudah tertangguh setahun daripada jadual asal, sekali gus boleh merencatkan kelancaran keseluruhan projek yang matlamat utamanya bagi mengelak berlaku krisis bekalan air bersih kepada 1.1 juta penduduk Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor.

Beliau berkata, setakat ini, semua perkara berkaitan pembinaan loji rawatan itu termasuk pelan reka bentuk, tender dan peruntukkan sudah disediakan Kerajaan Pusat dan hanya menunggu surat perintah pembangunan daripada kerajaan negeri.

Oleh demikian, katanya, kerajaan Selangor perlu memberi kebenaran surat perintah pembangunan secepat mungkin kerana projek itu tidak boleh dilengahkan lagi kerana ia mengambil masa untuk disiapkan.

"Jika kita gagal siapkan mengikut jadual dan rakyat tidak mendapat bekalan air bersih mencukupi sehingga berlaku krisis maka ia boleh menggambarkan seolah-olah Kerajaan Pusat gagal melaksanakan tanggungjawab.

"Namun, saya harap rakyat di Lembah Klang terutama Selangor akan sedar jika projek ini tidak berjalan dan tahu siapa yang patut dipersalahkan," katanya pada sidang media selepas melawat kilang Malaysian Solar Resources Sdn Bhd, di sini, semalam.

Peter Chin berkata, projek pembangunan loji rawatan itu perlu disiapkan serentak dengan komponen lain dalam PPAMPS yang giat dibangunkan kerana air disalurkan nanti memerlukan proses rawatan sebelum boleh digunakan.

Malah, beliau berkata, pembinaan terowong PPAMPS sepanjang 44.6 kilometer dari Karak, Pahang ke Hulu Langat, Selangor yang sudah dimulakan Jun tahun lalu, sudah 29 peratus siap.

"Pembinaan terowong ini menunjukkan kemajuan positif dan kita percaya boleh disiapkan lebih awal daripada tarikh ditetapkan," katanya.

Terowong bergaris pusat 5.2 meter dengan kos RM1.3 bilion itu bakal membolehkan 1,890 juta liter air mentah disalurkan dari Pahang ke Selangor.

© Hak Cipta Terpelihara 2011 - Berita Harian Sdn. Bhd.

Source:

http://www.bharian.com.my/bharian/articles/SelangortaksokongprojekairbersihPusat_/Article